AMAL JAMA'I
GERAKAN BERSAMA

Oleh:
Syaikh Mustafa Masyhur
PUSTAKA INDONESIA

DAFTAR ISI :

A. KATA PENGANTAR

Di antara kewajipan Islam yang sepantasnya diketahui oleh setiap muslimin adalah melaksanakan dakwah Islamiah. Agi setiap anggota Ikhawnul Muslimin yang menjadi daie pada masa sekarang ini, jelas itu merupakan kurnia Allah yang diberikan kepadanya. Sebab dewasa ini kejahilan berkembang dengan sangat meluas, sedangkan hati dan perasaan manusia telah diracuni dan dikuasai oleh hawa nafsu, sehingga agama Islam di negara-negara Islam sendiri telah menjadi barang asing, ganjil dan bahkan ada beberapa Negara yang menolaknya sama sekali.

Segala Puji bagi Allah yang telah memberikan kurnia-Nya dengan keutamaan yang besar. Kerana itu seharusnya kita bersyukur kepada-Nya. Sebagai manifestasi rasa syukur ialah berupa sikap teguh, konsisten dan tidak akan beranjak dari punggung perjuangan dakwah, mengikhlaskan niat semata-mata kerana melaksanakan perintah Allah, sampai kita kembali menghadap-Nya dengan penuh keridaan dan kemurahan-Nya.

B. PENTINGNYA GERAKAN BERSAMA

Dakwah bersama jemaah adalah dakwah yang paling efektif dan sangat bermanfaat bagi Gerakan Islam. Sebaliknya dakwah secara bersendirian akan kurang pengaruhnya dalam usaha menanamkan ajaran Islam pada umat manusia. Atas dasar ini Allah S.W.T mengisyaratkan dalam Al-Quran dengan firman-Nya:

Dan hendaklah ada dikalangan kamu segolongan umat yang menyeru pada kebaikan, menyuruh pada ma'aruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang beruntung." (Ali Imran:104)

Dalam ayat tersebut Allah telah mengisyaratkan tentang wajibnya melaksanakan dakwah secara bersama(berjemaah) atau melaksanakan aktiviti bersama(Amal Jama'i). Sebab ikhtiar perseorangan dengan cara sendiri tidak akan mampu memikul segala tugas dan tanggungjawab dakwah dan tidak akan berdaya melaksanakan segala tuntutan perjuangan dakwah dalam rangka membanteras segala kejahatan yang ada di muka bumi dan menghancurkan akar-akar jahiliyyah. Oleh kerana itu semua aktiviti anggota Ikhwan sejak jamaah ini didirikan selalu berbentuk *Gerakan Bersama*. Dimana saja mereka tidak pernah bergerak dan bertindak sendirian.

C. PENGERTIAN DAN CIRI-CIRI GERAKAN BERSAMA

Yang dimaksudkan dengan Gerakan ialah kegiatan yang merupakan hasil daripada suatu keputusan jamaah yang selaras dengan *manhaj*(sistem) yang telah ditentukan bersama, bertujuan untuk mencapai tujuan tertentu. Ciri-ciri *gerakan bersama* ini antara lain:

1. Aktiviti yang akan dijalankan harus bersumber dari keputusan atau persetujuan jamaah.
2. Jamaah yang dimaksudkan, harus mempunyai Anggaran Dasar dan pengurusan yang tersusun rapi.
3. Setiap tindakan dan akivitinya harus sesuai dengan dasar atau strategi atau pendekatan yang telah digariskan oleh jamaah.
4. Seluruh tindakannya harus bertujuan untuk mencapai cita-cita yang telah ditetapkan bersama.

Aktiviti yang Diputuskan oleh Jamaah atau Organisasi

Yang dimaksudkan aktiviti disini adalah semua kegiatan yang dilaksanakan untuk kepentingan umum(extern) dan kegiatan khusus(intern) yang dianggap sebagai dasar permulaan bagi pembentukan kader organisasi unuk menjalankan kegiatan extern di tengah-tengah masyarakat. Di antara kegiatan-kegiatan extern ini ialah:

- Menerbitkan brosur-brosur dan selebaran-selebaran umum.
- Penulisan makalah dalam majalah atau surat khabar.
- Menerbitkan buku-buku kecil dan besar.
- Mengadakan pertemuan-pertemuan umum .
- Menziarahi tokoh-tokoh masyarakat tertentu.
- Berdakwah secara umum.
- Menganjurkan atau menyelenggarakan demontrasi ceramah-ceramah umum.
- Berkhutbah.
- Menyelenggarakan seminar, simposium dan sebagainya.
- Kegiatan-kegiatan lain yang dibenarkan oleh hukum Islam.

Dan di dalam melaksanakan tugas-tugas tersebut tidak semua orang harus melaksanakannya, dan tidak semua orang harus terlibat dalam semua kegiatan tersebut. Bahkan sebaiknya masing-masing mengambil posisinya sendiri. Dengan demikian dia mampu melaksanakan dengan baik sehingga akan tercapai objektif yang dikehendaki. Tetapi yang harus diperhatikan adalah hendaklah semua kegiatan berdasarkan pandangan jamaah dan berlandaskan atas keputusan yang jelas dan diakui oleh semua anggota.

Dalam konteks *Gerakan Bersama*, tindakan yang diambil oleh setiap anggota sebagai tambahan dari apa yang telah disebutkan harus berada dalam batas-batas *syarak*.

Jadi, selama mana tindakan itu tidak bertentangan dengan hukum syarak maka segala bentuk kegiatan itu sendiri tidak menjadi persoalan, walaupun *sampai* ke peringkat yang paling rendak iaitu peringkat *mubah*.

Ikhwan terikat dengan batas-batas *syarak* kerana itu seorang anggota sama sekali tidak dibenarka keluar dari batas-batas tersebut. Inilah yang membezakan organisasi Ikhwan dengan organisasi lain ynag bukan Islam, atau organisasi yang tidak terikat dengan Islam dalam tin dak tanduknya.

Masih dalam kerangka batas-batas *syarak* ialah tindakan yang diharuskan oleh *syarak* dalam keadaan darurat atau dasar *rukhsah*, apakah keharusan itu dengan nas yang terang, atau atas dasar ijtihad yang masyhur, kalau tidak ada nas dalam masalah tersebut.

Di samping itu setiap anggota yang menjalankan aktiviti harus berlandaskan niat yang ikhlas, iaitu bertujuan semata-mata mencari keredhaan Allah. Sebab, anggota Gerakan Islam dalam beribadat kepada Allah seperti melaksanakan kegitan dakwah baru akan diterima amalnya bila disertai dengan niat yang ikhlas kerana Allah semata-mata.

Sebenarnya untuk membersihkan amal ibadah seseorang dari unsur-unsur *syirik*, bauakn suatu hal yang mudah, tetapi dengan sekali *taqarrub* dan mendekatkan diri kepada Allah, maka hal itu akan menjadi mudah.

Ukuran keikhlasan anggota dapat dilihat dari sikapnya yang lebih suka bekerja secara diam-diam, daripada ramai-ramai kecuali apabila ramai-ramai itu merupakan tuntutan dakwah atau untuk dijadikan tauladan terhadap anggota yang lain.

Ciri-ciri Organisasi Gerakan yang Rapi

Syarat mutlak bagi organisasi yang bergerak dalam aktiviti Islami adalah harus mempunyai sistem organisasi yang lengkap dan kepempinan yang jitu. Seluruh aktivitinya mencerminkan peraturan dan garis-garis yang telah ditentukan oleh organisasi, serta berjalan sesuai dengan program.

Syarat tersebut merupakan syarat utama terpenting bagi suatu jamaah atau organisasi dalam mencapai tujuan-tujuan yang telah ditetapkan.

Tanpa adanya jamaah yang utuh dan teguh, serta organisasi yang rapi, tipis sekali untuk meraih kejaan dan kegemilangan. Oleh sebab itu aktiviti suatu organisasi yang kepengurusannya tidak berpengaruh akan menghasilkan kegiatan-kegiatan yang sifatnya perseorangan, walaupun kelihatannya seperti kegiatan suatu organisasi.

Berdasarkan ciri-ciri tersebut di atas, maka organisasi Ikhwanul Muslimin sebagai Gerakan Islam(Jamaah Harakiah) tidak terlepas dari ciri-ciri organisasi yang rapi dan teguh pada disiplin organisasi. Ini adalah kenyataan yang benar-benar terjadi, dimana keutuhan gerakan Ikhwanul bergantung pada keberhasilan mereka dalam mematuhi peraturan gerakan organisasinya. Hasan Al-Banna, dalam merumuskan masalah ini pernah menyimpulkan bahawa Gerakan dakwah Ikhwanul Muslimin tegak diatas dasar ‘*pengorganisasian yang rapi*’, ‘*iman yang teguh*’, dan ‘*jihad yang lestari*’.

Ada dua faktor utama mengapa Ikhwanul Muslimin dalam gerakannya selalu mengutamakan organisasi yang mempunyai peraturan dan pengoganisasian yang rapi iaitu:

1) Pengorganisasian dan pengelolaan organisasi yang rapi merupakan sau syarat terpenting untuk menjayakan cita-cita perjuangan organisasi mana-mana pun. Oleh sebab itu berorganisasi dengan baik merupakan kewajipan yang harus dilaksanakan dalam rangka mencapai cita-cita perjuangannya. Sedangkan tujuan Ikhwan selaras dengan dengan tujuan dakwah Islamiyah yang diwajibkan oleh umat Islam untuk menjayakannya. Maka semua cara yang dapat membawa tercapainya tujuan tersebut termasuk wajib dilaksanakan berdasarkan kaedah hukum Islam yang berbunyi

"Suatu kewajipan tidak akan sempurna dilaksanakan kecuali dengannya, maka itu adalah wajib."

Kewajipan itu antara lain adalah berorganisasi dengan rapi dan baik. Ini mengingatkan bahawa dalam beberapa aspek organisasi tidak ditemukan nash yang khusus mengenai hukum Islam.

2) Faktor kedua yang menjadikan Ikhwanul Muslimin memandang serius terhadap masalah jamaah yang terorganisasi rapi adalah kerana Islam telah mewajibkan kepada umatnya supaya berperaturan dalam segala hal untuk mencapai posisi yang lebih sempurna dan berguna. Di antara nas yang jelas dalam masalah ini adalah sabda Nabi Muhammad SAW yang memerintahkan kepada tiga orang yang sedang musafir untuk mengangkat salah satunya Amir atau ketua. Dalam hadis tersebut jelas menunjukkan kewajipan mengangkat dan melantik seorang pemimpin dalam satu jamaah . Sebab bermusafir sahaja ---yang sifatnya--- sementara kita diwajibkan mengangkat seorang ketua, apa lagi dalam satu jamah yang lebih besar, yang bergerak dalam bidang dakwah seperti Ikhwanul Muslimin, dimana sebahagian usahanya adalah mengubah pemikiran masyarakat yang diracuni pemikiran jahiliyah.

Tujuan pengangkatan seorang ketua atau amir dalam suatu organisasi atau jamaah bukan semata-mata sebagai lambang, tetapi bertujuan untuk untuk mencapai

tujuan organisasi dan memudahkan jamaah dalam bergerak dan bertindak melakukan aktiviti Islami.

Oleh kerana itu Syariat Islam telah menetapkan agar semua anggota taat dan patuh pada pimpinannya. Gerakan Islam akan rosak jika pimpinan organisasi sudah tidak dipatuhi oleh anggotanya.

Perlu diketahui bahawa hakikat kepauhan pada pemimpin(yang kosisten pada Islam) adalah sebagai kepatuhan kepada Allah. Oleh kerana itu hukum *syarak* telah mengaitkan kepatuhan ini hanya pada yang *ma'aruf* (yang baik menurut Islam)saja. Jika seorang pemimpin menganjurkan pada hal-hal yang batil dan maksiat maka perintahnya tidak wajib ditaati. Dalam sebuah hadis disebutkan:

"Tidak ada ketaatan pada makhluk dalam hal kemaksiatan terhadap Allah."

Sejalan dengan makna hadis tersebut Al-Quran telah memperingatkan kaum wanita agar tidak melanggar perintah Nabi Muhammad SAW dalam hal yang ma'ruf. Allah berfirman:

".......dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik."(Al-Mumtahanah:60)

Nabi Muhammad SAW tidak pernah menyuruh kecuali yang *ma'ruf.* Hal ini jelas menunjukkan betapa eratnya kaitan itu dengan emua bentuk ketaatan kepada makhluk yang tidak bermaksiat kepada Khaliknya.

Kemaksiatan yang tidak boleh dipatuhui adalah kemaksiatan yang telah disepakati para ulamak atau yang ada nasnya. Dalam hubungan ini kesalahan dalam berijtihad tidak termasuk dalam ketegori maksiat, sebagaimana dijelaskan dalam hadis berikut:

"Apabila seorang hakim berijtihad, maka apabila ijtihadnya betul dan tepat maka baginya dua pahala, tapi apabila salah, maka baginya satu pahala sahaja"

Sebagai manifestasi ciri-ciri pengorganisasian yang paling jelas dan perlu mendapat perhatian, adalah melalui dasar-dasar berikut.

- Bekerja keras, serius, gigih dan potential dalam menjalankan seluruh tugas gerakan(harakah).
- Pengurusan yang rapi dan sistematik, serta disiplin yang tinggi ala ketenteraan.
- Petunjuk pelaksanaan kerja yang jelas.

- Pembahagian tanggungjawab yang jelas bagi masing-masing pimpinan.
- Menentukan sistem komunikasi anggota dan pimpinan yang bertanggungjawab di peringkat kepimpinan masing-masing.
- Komitmen penuh dengan apa yang telah ditetapkan oleh jamaah melalui pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadapnya.

Ukuran minimum yang harus diwujudkan di dalam gerakan Ikhwanul Muslimin atau gerakan-gerakan Islam lainnya, ialah terwujudnya suatu disiplin ketenteraan dalam pengurusan ketenteraan ketika berada di medan pertempuran, atau sekurang-kurangnya seperti pengurusan ketenteraan dalam keadaan damai.

Sebagaimana diketahui bahawa dalam angkatan bersenjata mempunyai disiplin yang ketat, pembahagian tugas yang jelas, pembatasan tanggungjwab yang jelas, menentukan orang-orang yang bertanggungjawab dalam tugas-tugas tertentu, mengariskan hubungan dengan pihak atasan, dan kepatuhan pada komandannya.

Segala pengarahan dan perintah Panglima dalam organisasi Angkatan Bersenjata selalu dipatuhi oleh bawahannya. Demikian pula seharusnya pengorganisasian dalam jamaah Ikhwanul Muslimin atau dalam organisasi Islam lainnya, hanya dalam organisasi Ikhwan dan organisasi Islam lainnya memiliki ciri-ciri yang lebih baik dari disiplin ketenteraan iaitu:

1. Organisasi Gerakan Islam ditegakkan di atas nilai keagamaan iaitu semata-mata kerana mematuhi perintah Allah. Oleh sebab itu dasar kepimpinan organisasi Ikhwanul Muslimin mendapat persetujuan dan kerelaan dari seluruh anggotanya kerana kerelaan dan penerimaan tersebut dituntut oleh Islam.
2. Kepatuhan dan kesetiaan dalam Gerakan Islam Ikhwanul Muslimin terpancar dari dalam diri anggota-anggota sendiri, tidak ada paksaan dan tekanan dari luar. Oleh kerana itu kepatuhan mereka bersifat sukarela. Mereka bersedia mematuhi segala macam arahan dan peraturan sebelum mereka diperintah untuk mematuhinya. Dengan demikian mereka merasa bahawa kepatuhan dan ketaatan pada ketua dan organisasi akan diberi pahala disisi Allah. Oleh kerana itu mereka menyukai setiap perintah dengan penuh kerelaan. Posisinya sama dengan kepatuhan seorang makmum terhadap imam dalam solat, yang sebelumnya sang makmum memang sudah rela pada imam tersebut, kerana ia ingin mendapatkan pahala dari solat berjemaah.

3. Hakikat kepimpinan organisasi Gerakan Ikhwanul Muslimin bukan bertujuan untuk kepentingan pihak pimpinan, tetapi semata-mata untuk kepentingan Islam. Kerana itu konsep kepimpinannya jauh berbeza dengan konsep kepimpinan keduniaan yang bersifat kebendaan dan kemewahan, seperti gila pangkat dan kedudukan, mencari harta kekayaan dan kemasyhuran, ingin menguasai orang lain, serta haus akan pujian dan sanjungan.

Berdasarkan faktor-faktor di atas, maka tidak wajar mengganggap sikap tegas dan keras seorang pimpinan dalam mengendalikan jamaah Islam di salah tafsirkan sebagai diktator, tangan besi, atau menyalahgunakan kekuasaan. Padahal ketegasan tersebut sebaiknya dipandang sebagai manifestasi keghairahan pucuk pimpinan dalam mengawasi kegiatan anggota-anggotanya agar berjalan di atas landasan yang benar, dan mendapat pahala, sama halnya dengan imam solat yang menyukai orang menjadi makmum supaya mereka mendapat pahala berjemaah.

Demikian pula halnya ketegasan seorang panglima tentera Islam di medan jihad dalam mengatur strategi, menyusun posisi pasukannya. Panglima selalu mengawasi roda dan mekanisme pengurusan ketenteraannya agar berjalan lancar, mengeluarkan berbagai arahan dan perintah untuk dilaksanakan. Ini bertujuan agar jihad dapat memperoleh kemenangan dunia dan mendapat pahala di akhirat.

Atas dasar pengertian tersebut, maka sebagai Gerakan Islam, seharusnya para anggotanya tidak tersinggung kehormatannya apabila mereka mendapat pengarahan-pengarahan dari pimpinannya, dan tidak boleh merasa tidak senang atau keberatan atau sengaja menyalahi segala pengarahan tersebut. Bahkan sebaliknya, mereka harus menerima segala perintah dan pengarahan tersebut dengan senang hati, penuh kepercayaan dan melaksanakan dengan secepat mungkin, kerana melaksanakan perintah dan arahan tersebut termasuk ke dalam kerangka taat dalam pengertian *syar'i*.

Jika semua pihak, baik pucuk pimpinan atau pun anggota gerakan mengambil bahagian dan menjalankan peranan masing-masing Insya-Allah semuanya akan mendapatkan pahalanya.

Ketentuan, Ciri-ciri, Prinsip Dasar dan sistem Gerakan

Syarat mutlak yang harus ada dalam suatu gerakan bersama yang sistematik, ialah adanya rencana kerja, program dan aktiviti sesuai dengan manhaj(sistem) atau anggaran dasar yang telah digariskan oleh organisasi.

Yang dimaksudkan dengan manhaj disini ialah dasar atau polisi yang hendak ditentukan dalam masalah-masalah:

1. Dasar atau polisi *wasilah dakwah*.
2. Mentukan strategi sesuai dengan tahap perjalanan dakwah atau *marhalah dakwah*.
3. Dasar *Maudhu' dakwah*(tema dakwah).
4. menentukan metod pendekatan dakwah atau *kaifiah dakwah*.

Wasilah Dakwah

Wasilah dakwah tidak boleh bertentangan dengan hukum Islam, kerana Islam tidak membenarkan penggunaan kaedah yang salah dalam penerapan istilah '*Tujuan menghalalkan cara*'.

Islam menekankan cara(wasilah) dan tujuan(ghayah) harus sama-sama berlandaskan *syarak* . Islam sama sekali tidak membenarkan jika mencapai tujuan yang suci ditempuh dengan cara yang kotor.

Berdasarkan prinsip tersebut di atas, maka gerakan dapat mengambil cara apa pun asal dibenarkan oleh hukum Islam, baik melalui penulisan di media massa, kertas kerja, Quran-Quran, brosur-brosur, selebaran, risalah, pertemuan, demontrasi, menggunakan cara yang lunak, nasihat atau cara yang keras dan lantang.

Marhalah Dakwah

Apa yang dimaksudkan dengan tahap atau *marhalah dakwah* ini ialah kerangka dasar dan strategi jamaah dengan melalui pengkajian yang mendalam tentang sejauh mana kekuatan dan kemampuan jamaah. Jika jamaah tersebut masih dalam proses pembentukan atau dalam berbagai segi masih serba lemah, ia harus bergerak dengan diam-diam dan kecil-kecilan. Tetapi bila jamaah itu sudah kuat dan teguh serta mempunyai pengaruh yang besar, maka ia dapat bergerak secara terbuka dan lantang jika situasi dan kondisinya telah menyakinkan.

Sebagai panduan untuk menentukan strategi seperti itu, kita harus mengambil teladan dari Sirah Rasulullah s.a.w yang murni dan dari pengalaman –pengalama orang-

orang salafi. Di antara ciri-ciri yang paling jelas sekali dalam menyusun strategi diperingkat permulaan pembentukan atau perjalanan dakwah ialah:

1. Menanam dan memupuk kesedaran Islam yang kuat pada diri anggota dan kaum muslimin.
2. Memperbanyak jumlah anggota, pendukung dan penyokong sebelum melancarkan tindakan yang perlu diambil. Disamping perlunya membentuk kader-kader ini sebagai pasukan berani mati.

Termasuk dalam kerangka tahap perjalanan dakwah adalah mengambil sikap bergerak secara rahsia atau secara terbuka. Sebenarnya persoalan ini bergantung pada kondisi dan situasi tempat pergerakan, di samping ada juga faktor sejauh mana kekuatan jamaah dan sejauh mana ia berhasil mengembangkan pengaruhnya di kalangan umat, sebagai anggota, pendukung atau penyokong. Dan di sana ada beberapa garis panduan umum yang dapat digunakan dalam menentukan masalah gerakan terbuka atau tertutup yang antara lain seperti di bawah:

1. Menentukan sikap bergerak secara rahsia merupakan keharusan, bahkan kewajipan bagi suatu gerakan yang masih berada dalam tarsfa permulaan atau taraf pembentukan anggota jamaah, atau dalam suatu kondisi di mana seluuruh potensi dikerahkan untuk memperkuat posisi, merapikan pengurusan organisasidan memperbanyak anggoa jamaah. Beberapa sikap yang ceroboh tercermin dari kelemahan melihat realiti yang ada, seperti bergerak secara terbuka di tengah-tengah masyarakat yang rosak dan hina, padahal kedudukan dan posisi jamaah atau organisasi belum mantap dan kuat dalam menghadapi tentangan yang selalu ternanti-nanti. Kelantangan bertindak dan bergerak di tengah-tengah masyarakat hina dan rosak moralnya menyebabkan jamaah terpaksa menumpukan perhatiannya dan menghabiskan sebahagian besar tenaga dan potensinya hanya untuk menangkis segal tuduhan dan fitnah-fitnah yang sengaja ditaburkan oleh musuh-musuh gerakan.

2. Masa bergerak secara rahsia ini bergantung pada posisi, dan kewibawaan jamaah serta kondisi disekitar jamaah atau organisasi. Jika ketahanan diri dan kekuatan jamaah belum mampu meningkat ke peringkat yang sewajarnya, maka tindakan secara terbuka dianggap sebagai kekhilafan. Demikian juga bila keadaan sekitar tidak mengizinkan untuk membuka seluruh struktur maka tindakan secara

terbuka tetap dianggap sebagai suatu kesalahan. Sebab implikasi tindakan tersebut akan menimbulkan suatu keadaan yang mendadak dan diluar dugaan yang tercetus dari luar, dimana akhirnya kekuatan jamaah tidak mampu menghadapinya sekalipun telah dipersiapkan anggota-anggota pasukan gerakan cepat dan pasukan berani mati untuk kepentingan organisasi. Kesalahannya ialah terletak pada keterbukaan yang teramat jelas dengan mempamerkan seluruh sendi kekuatan yang sebenarnya tidak seberapa. Akhirnya musuh-musuh dapat menilai dan membuat strategi untuk memusnahkan organisasi atau jamaah. Anggapan bahawa orang yang bergerak secara rahsia sebagai pengecut adalah salah dan tidak wajar. Sebab menurut taktik peperangan yang diharuskan oleh syarak ialah dapat membangun banteng dan berlindung di dalamnya untuk mengelakkan serangan musuh. Hal ini tidak dianggap pengecut oleh hukum Islam, seperti yang terjadi dalam Perang Uhud. Orang-orang musyrikin waktu itu telah lantang bersuara: “Dimana engkau Muhammad! Keluar hai Muahammad!” tetapi Nabi Muhammad memerintahkan pada para sahabatnya supaya para sahabatnya untuk tidak menjawab laungan musyrikin tersebut agar pihak musuh salah sangka terhadap apa yang telah menimpa Muhammad. Dengan demikian mereka tidak berani mendekati Nabi kerana keraguan mereka sendiri.

3. tidak ada ketentuan serta batas waktu bergerak secara rahsia. Dakwah rasulullah secara rahsia selama di Mekah tidak dapat dibuat sebagai ukuran kerana masa dakwah disana bergantung kepada kondisidan situasi waktu itu, bukan sebagai ketentuan syarak seperti ketentuan jumlah rakaat solat dan penetapan hari-hari tertentu untuk haji. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sebahagian besar penduduk Mekah atau seluruhnya telah menganut Islam, tentu tidak akan masa siri seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

4. Yang dimaksudkan dengan kerahsiaan disini ialah hendaklah para anggota jamaah tidak memperkenalkan diri terhadap kedududkan mereka dalm organisasi secara terbuka, misalnya salah seorang anggota berpidato di tengah-tengah masyarakat ramai dengan menyatakan: “Saya sebagai anggota Ikhwanul Muslimin atau si anu sebagi anggota Ikhwan” , atau pihak jamaah mengumumkan kepada orang ramai untuk mendaftar diri sebagai menjadi

anggota, dan dipersalahkan mendaftar si anu dengan alamat si anu, secara terbuka.

Pengertian kerahsiaan ini bukan bererti anda harus menyembunyikan seluruh identiti dan sikap anda sebagai anggota gerakan. Tetapi anda kadang-kadang dibenarkan untuk melahirkan sikap dan keperibadian anda sebagi anggota gerakan setelah anda yakin bahawa mereka akan menyertai anda dalam berdakwah dan siap bergandingan tangan di medan dakwah.

Termasuk dalam ciri-ciri kerahsiaan yang dimaksudkan ialah bahawa orang kebanyakan atau anggota biasa tidak perlu mengenal siapa pimpinan atau barisan pimpinan yang bertanggungjawab yang selama ini tiada hubungan langsung dengan mereka. Jika orang kebanyakan atau anggota biasa mengetahui dan mengenali seluruh pimpinan termasuk pucuk pimpinannya, kadang kadang secara tidak sedar mereka terberitahu kedudukan pucuk pimpinan pada musuh-musuh, sehingga mudah bagi mereka untuk menikam anggota-anggota organisasi dan menggagalkan perjalanan dakwah.

Kedudukan barisan pimpinan yang bertanggungjawab mengerakkan jamaah ibarat Kapten kapal. Mula-mula ancaman yang dihadapi mereka adalah timbulnya perasaan permusuhan terhadap pimpinan, dengan tindakan membocorkan rahsia kepada orang lain, padahal kedudukan jamaah belum begitu mantap dan utuh serta mampu hilangnya pucuk pimpinan. Oleh kerana itu tindakan membocorkan rahsia pemimpin dan barisannya adalah tidak dibenarkan oleh Syarak.

Personaliti pemimpin didalam Angkatan bersenjata pada umumnya jauh dari penglihatan musuh. Seharusnya kepimpinan dalam organisasi Gerakan Islam juga demikian demi menjaga jamaah(organisasi) dari perusakan, terutama pada peringkat awal pembentukannya, atau pada masa kekuatannya belum sampai ke tahap yang sewajarnya, seperti keadaan Gerakan Islam di Iraq sekarang ini.

Disamping itu gerakan hendaklah dilakukan secara diam-diam. Meskipun prestasi jamaah kelihatan maju dan bertambah teguh dengan anugerah Allah, tapi sebenarnya belum mencapai tahap maksimum. Jamaah tidak mungkin dapat menghadapi mussuh-musuhnya yang selalu siap sedia dengan dukungan yang banyak serta menguasai alat-alat publikasi dan komunikasi umum, disamping mempunyai pelbagai fasilitator, kekuatan pemerintah, kekuasaan dan undang-undang yang selalu

menguntungkan mereka. Dalam kondisi yang demikian perlu dilakukan gerakan diam-diam.

Sebagai menutup persoalan ini, penulis ingin nyatakan, bahawa bergerak secara rahsia dapat dikecualikan dalam beberapa keadaan. Oleh kerana itu organisasi Gerakan dapat menggunakan taktik bergerak secara terbuka pada lahirnya saja, tetapi tetap berada pada posisi gerakan rahsia. Hal ini dapat dibenarkan kerana bergerak seolah-olah terbuka ini, hanya sementara dan dalam keadaan darurat serta atas dasar kaedah pengecualian.

"Darurat membolehkan yang dilarang"

Maudhu' Dakwah(Tema Dakwah)

Tema atau maudhu' dakwah yang akan disampaikan ialah mengenai totalitas ajaran Islam. Diantara yang terpenting ialah yang berkaitan keimanan kepada Allah, kepada Rasulullah(yang meliputi segala perbuatan, perkataan dan ketetapannya) dan beriman kepada Hari Akhirat. Sebagai konsekuensi dari keimanan itu ialah melaksanakan ibadat kepada Allah sebagaimana yang telah ditentukan, komitmen dan taat pada seluruh ajarannya dalam seluruh bidang kehidupan dan hubungan kepada sesama manusia.

Di dalam penerimaan konsep tema dakwah yang selaras dengan pemahaman terhadap manhaj yang telah kita sepakati, maka ada sebahagian anggota Ikhwan yang hanya menekankan satu aspek saja dari seluruh aspek ajaran Islam. Misalnya aspek politik sahaja yang dijadikan sebagai tema dakwahnya, dan ia bahkan mengesampingkan secara langsung soal-soal keimanan, akidah dan ibadah kerana terpengaruh atau terbawa oleh cara-cara yang datangnya dari luar, atau kerana mengikuti arus kecenderungan orang kebanyakan. Sikap yang demikian ini sama sekali tidak dibenarkan.

Matlamat dakwah kita adalah totolis islam itu sendiri yang mencakupi semua aspek kehidupan umat manusia. Dan karakter dakwah Islam sebenarnya menekankan aspek keimanan, aqidah dan ibadat. Oleh kerana itu merupakan kewajipan bagi kita untuk mengambil perhatian yang sungguh-sungguh---ketika menyampaikan dakwah----terhadap masalah-masalah keimanan dan pengibadatan. Kita berkewajipan untuk menjelaskan hakikat Islam yang sebenarnya dan mengemukakan dalam bentuk yang luas, lengkap, disamping menekankan segi keimanan dan ibadat.

Apabila dakwah Jamaah Ikhwan dianggap dakwah sufiah, maka anggapan itu jelas akibat penekanan dakwah Ikhwan dalam segi ibadat dan keimanan serta hubungan yang bersambung dengan Allah SWT.

Khaifiat Dakwah(Pendekatan Dakwah)

Dalam berdakwah dapt saja menggunakan berbagai pendekatan, dan yang paling penting adalah:

1. Dakwah fardhiyah dan Pendekatan Peribadi

Di antara cara-cara atau uslub dan pendekatan dakwah yang terpenting ialah individu (dakwah fardhiyah) dan mengadakan pendekatan langsung dengan individu-individu yang didakwah. Uslub dan pendekatan ini merupakan cara yang terbaik untuk menarik lebih banyak anggota. Namun demikian ada beberapa faktor yang perlu diperhatikan dalam menjalankan dakwah fardhiyah ini:

a. Mengenal secara dekat peribadi yang akan dijadikan objek dakwah sebelum mengadakan kontak langsung tentang masalah yang berhubung dengan tujuan pendekatan. Ini bermaksud agar dapat mengetahui dan mengenal keadaan yang sebenarnya, latar belakang pendidikan dan status sosialnya, hobi dan kecenderungan dan sebagainya. Dengan pengenalan pendahuluan tersebut dapat dicari model pendekatan yang sesuai dalam memahami matlamat yang disampai kepadanya.

b. Setelah dapat dihubungi, hendaklah diyakinkan terhadap kebenaran yang anda sampaikan dengan cara lemah lembut dan jangan ada kesan seola-olah ada unsur pemaksaan.

c. Jangan sesekali anda melahirkan sikap angkuh dan merasa lebih hebat darinya, kerana sikap demikian akan menimbulkan perasaan tidak enak terhadap orang yang didakwah, dan ini jelas menghalang penerimaan mad'u terhadap matlamat yang anda dakwahkan. Allah berfirman:

"Serulah(manusia) kepada jalan Tuhan-mudengan hikmah dan pengajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik."(An-Nahl:125)

"Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu."(Ali Imran:159)

Jika anda mendapati kesan positif pada orang yang berminat terhadap dakwah, maka jangan membuang kesempatan baik. Cepat kemukakan padanya tentang beberapa persoaln dakwah. Jika ternyata minatnya terhadap dakwah semakin ketara, maka kemukakan identiti anda sebagai anggota Gerakan dan sarankan kepadanya untuk berperanan serta dalam barisan perjuangan Islam.

2. **Penyampaian Buku-buku**

   Menyampaikan buku-buku Islam atau risalah-risalah yang diperkirakan kan berguna bagi mereka, kerana penyampaian buku-buku merupakan langkah pertama untuk membuat komunikasi individual dengan mereka.

3. **Ceramah-ceramah**

   Ceramah, pengajian umum dan nasihat-nasihat merupakan salah satu cara dakwah yang sangat berguna untuk mencapai tujuan dakwah. Tetapi di dalam menggunakan cara ini hendaklah selalu deperhatikan orang-orang yng menghadirinya, agar dapat diketahui siapa yang benar-benar berminat. Demikian pula harus diperhatikan siapa yang mengajukan soalan sesudah acara ceramah atau pengajian kerana pertanyaan itu sedikit sebanyak menunjukkan minat orang yang bertanya terhadap soal-soal keIslaman.

4. **Berkomunikasi dengan Ahli Ibadah**

   Mengadakan hubungan dengan para ahli ibadah adalah penting, sebab mereka besar kemungkinan untuk menerima dan menyambut idea-idea gerakan dengan positif.

   Masjid dan surau merupakan pusat yang subur untuk kegiatan dakwah bagi Jamaah ikhwanul Muslimin atau Gerakan Islam, kerana masjid merupakan satu-satunya medan yang terbuka dihadapan mereka. Oleh kerana iu bagi anggota Ikhwan sebaiknya memanfaatkan kesempatan ini sebanyak-banyaknya. Untuk kemudahan penggunaan masjid–masjid tersebut hendaklah anggota-anggota gerakan sentiasa berhubung rapat dengan para Imam masjid dan semua pihak yang berhubungan dengan masjid.

5. Akhlak Da'i

Pendekatan dakwah melalui akhlak da'i dengan qudwah(contoh atau teladan) yang baik, bersih, mesra, ramah, senang didekati, sikap sofan, dihormati dan disegani, pendiam dan serius, sedikit tertawa dan senda gurau, tidak berbolak-balik, halus budi bahasa, tidak suka mencampuri urusan orang lain, menjauhi ucapan-ucapan kotor, kasar dan keji, semua ciri-ciri tersebut merupakan faktor penting untuk menarik kepercayaan orang yang didakwah. Oleh kerana itu hendaklah anda bersungguh-sungguh membentuk diri dengan akhlak yang terpuji.

Ciri-ciri tujuan Perjuangan Gerakan Bersama

Sebagimana yang diketahui bahawa syarat *Gerakan Bersama* harus direncanakan oleh organisasiyang mempunyai sistem dan peraturan yang rapi sesuai dengan prinsip dasar yang telah digariskan dengan tujuan mnecapai cita-cita yang diperjuangkan oleh jamaah.

Tujuan yang jelas bagi sebuah organisasi adalah suatu hal yang sangat penting, kerana dengan itu jamaah organisasi dapat merencanakan suatu program, menempatkan individu, melaksanakan kegiatan, melakukan pengawasan dan menilai sejauh mana keberhasilan perjuangan.

1) Terdapat berbagai pendapat berkenaan dengan tujuan Gerakan Islam Ikhwanul Muslimin. Ada yang mengatakan bertujuan membentuk sebuah masyarakat Islam, menegakkan negara Islam, ada yang mengatakan untuk melaksanakan undang-undang Islam. Semua pendapat tersebut tidak ada yang bertentangan satu sama lain. Kerana setiap pendapat tersebut memandang dari sisi dan penekanan masing-masing.

   Berdasarkan itu maka dapat dibuat suatu kesimpulanbahawa cita-cita Gerakan Islam Ikhwanul Muslimin ialah ingin mewujudkan apa-apa yang dituntut oleh Islam itu sendiri. Termasuk di dalam tujuan yang dikehendaki oleh Islam adalah:

- Menegakkan pemerintahan Islam
- Mewujudkan sebuah masyarakat Islam
- Melaksanakan hukum-hukum Allah

- Memperbaiki, membimbing ke arah hidayah dan menyelamatkan peribadi dari segala kesesatan.

2) Semua tujuan diatas dituntut oleh Islam. Tujuan Gerakan Islam sama luasnya dengan tujuan Islam itu sendiri. Tetapi untuk melaksanakan apa yang dituntut oleh Islam secara lengkap, menyeluruh dan efektif diperlukan adanya *Negara Islam* yang sebenar, yang dikuasai oleh orang-orang yang benar-benar bekerja untuk kepentingan Islam.

   Tujuan tersebut seharusnya merupakan tujuan yang pertama yang harus dicapai dan wajib diperjuangkan oleh setiap gerakan Islam secara bersama-sama.

   Dalam usaha menegakkan Negara Islam, perlu adanya usaha-usaha lain yang merupakan sebahagian dari tuntutan Islam seperti mengerahakan seluruh potensi untuk meperbaiki peribadi-peribadi anggota masyarakat ke arah petunjuk Ilahi, membanteras kemungkaran dalam masyarakat, mambantu pekerjaan kebaikan seperti mambangun masjid, surau atau menolong fakir miskin dan anak yatim.

3) Seorang anggota yang bekerja dan berkecimpung dalam bidang pendidikan peribadi-peribadi dalam masyarakat tidak boleh dikecam, sebab membimbing individu dalm masyarakat merupakan tuntutan Islam pula. Rasulullah s.a.w besabda:

   "Apabila Allah memberi hidayah kepada seseorang kerana ajaranmu, maka bagimu lebih baik dari kekayaan binatang ternakan yang gemuk-gemuk dan manis-manis."

   Memberi petunjuk kepada seseorang, meskipun tidak dapat sepenuhnya melibatkan diri dalam Gerakan atau bergabung dalam jamaah, masih ada baiknya. Sekurang-kurangnya ia nanti akan menjadi pendukung dakwah. Usaha-usaha dakwah dalam dua bentuk tersebut merupakan salah satu faktor untuk mendekatkan cita-cita suci menegakkan Negara Islam.

4) Usaha membanteras kemungkaran di dalam masyarakat bertujuan untuk menolong seluruh masyarakat agar supaya melihat kebenaran dakwah dan membina suatu kondisi yang sesuai dalam usaha menyebarkan bibit-bibit orang

yang dapat menerima dakwah. Sebab dengan terbuangnya kotoran kemungkaran, akan menjadi mudah untuk mengubati penyakit hati yang ada dalam diri anggota masyarakat.

5) Sedangkan tolong menolong dalam kebaikan adalah juga dituntut oleh Islam, kerana dalam waktu yang sama amal tersebut akan mendatangkan kebaikan pada Gerakan dakwah dan dapat meninggalkan pengaruh yang baik dan suasana kondusif bagi pengaruh kegiatan-kegiatan Gerakan Islam dalam masyarakat tersebut. Ini akan menambah kepercayaan orang dan akan mendapat sambutan yang baik dari mereka.

6) Perlu diperhatikan bahawa pemikiran yang telah dijelaskan di atas hanya merupakan teori dan ketentuan sahaja. Tetapi bila hendak dipraktikkan, maka setiap anggota Ikhwan harus memperhatikan hal-hal berikut:

   - Mengingati kemampuan dan waktu yang anda miliki terbatas, maka apabila aktiviti kebajikan terlalu banyak yang akan dilaksanakan, hendaklah aktiviti tersebut anda utamakan pada kegiatan-kegiatan yang sangat penting dan yang lebih mempercepatkan proses tujuan utama jemaah.

     Jamaah hendaklah menghadkan tenaga yang terbatas itu dengan cara dicurahkan seluruhnyauntuk semata-mata pada aktiviti amal kebajikan. Kerana tenaga itu akan sangat diperlukan untuk memastikan keberhasilan pencapaian tujuan utama pada suatu saat nanti. Sebagai contoh dalam hal ini ialah, apabila seseorang memiliki wang sangat terbatas dan tidak dapat mencukupi semua keperluan, maka sudah tentu kita akan memilih orang-orang yang paling memerlukan bantuan kita, jika kita ingin membantu orang-orang yang memerlukan bantuan kita. Jika aktiviti tersebut lebih banyak mendatangkan kemanfaatan seluruh umat Islam, bukan hanya bermanfaat kepada individu tertentu, maka hendaklah seluruh aktiviti dicurahkan untuk kepentingan ini. Walaupun terpaksa menolak permintaan perseorangan yang memerlukan. Ini bukan bermakna orang tersebut tidak berhak mendapatkan pertolongan atau bantuan, tetapi kerana memenuhi keperluan umat Islam atau jamaah lebih utama daripada keperlauan perseorangan.

- Janganlah anda dilalaikan oleh masalah yang bersifat sosial kebajikan sahaja sehingga merosakkan aktiviti utama, iaitu menegakkan Negara Islam. Bahkan seharusnya ia memastikan bahawa apa yang dilaksanakannya itu sebagai wasilah yang diharuskan oleh syarak dalam kontek menegakkan tujuan utama yang sangat dituntut oleh Islam. Dari segi ini hendaklah diingat bahawa wasialh atau cara merupakan alat yang kedudukannya lebih rendah jika dibandingkan dengan kedudukan tujuan dan cita-cita perjuangan.
- Anda dibolehkan meninggalkan beberapaa aktiviti sosial atau usaha-usaha lain yang dikehendaki juga oleh Islam, kerana mencurahkan seluruh waktunya untuk melatih, membentuk persiapan bagi pencapaian tujuan utama Gerakan Islam. Walau bagaimanapun anda tetap menjadi anggota jamaah atau organisasi yang memikul tugas khusus dan tetap mendukung identiti jamaah. Oleh kerana itu anda wajib menyalurkan usaha dan aktiviti pengkaderan itu sesuai dengan cita-cita utama perjuangan. Di sisi lain pihak jamaah dibolehkan meningggalkan beberapa perkara yang tidak boleh ditinggalkan oleh perseorangan, iaitu mengenai aktiviti yang bersifat peribadi yang tidak melibatkan nama jamaah. Demikian pula individu yang tidak terlibat dengan jamaah atau organisasi dibolehkan melakukan sebahagian tindakan yang tidak dapat dilakukan jamaah. Alasan diterapkan tindakan ini diambil bedasarkan sirah Rasulullah saw, di mana semua anggota masyrakat muslim pada masa Rasulullah saw patuh pada arahan baginda melarang mengganggu kafilah perdagangan orang-orang Quraisy, kerana terikat dengan perjanjian Hudaibiah. Sementara itu terdapat orang-orang Islam yang lari dari penindasan orang-orang Quraisy Mekah, bukan sebagai anggota jamaah masyarakat Muslim Madinah. Dengan demikian mereka tidak terikat dengan perjanjian Hudaibiah. Oleh kerana itu mereka bebas menyerang kafilah dagang Quraisy ketika melintasi tempat persembunyian mereka. Langkah mereka itu dibenarkan dan wajar.

7) Berdasarkan hal diatas maka terdapat beberapa kondisi tertentu, dimana jamaah Ikhwan mengambil sikap yang negatif dalam beberapa perkara. Menghadapi hal sebegini setiap anggota harus bersikap seperti sikap pucuk

pimpinan, yang menilai permasaalahan secara menyeluruh, bukan perkara yang biasanya berskala kecil dan tidak mempengaruhi eksitensi organisasi. Jamaah Ikhwan mengambil sikap tersebut kerana sebab-sebab tertentu atau kerana mengumpulkan tenaga dan kekuatan untuk menghadapi masalah-masalah yang tepat yang mungkin terjadi dan memerlukan tenaga. Dengan demikian tenaganya tidak habis hanya untuk mengurus perkara-perkara kecil yang sebenarnya hanya boleh diselesaikan oleh kumpulan kecil sahaja.

8) Sikap yang diambil oleh pucuk pimpinan ini kadang-kadang menimbulkan perasaan idak puas hati dikalangan beberapa anggota Ikhwan. Ini merupakan hal yang biasa terjadi. Sebabnya tidak lain kerana mereka tidak dapat memahami sikap dasar yang diambil pucuk pimpinan yang bertanggungjawab terhadap seluruh mekanisme organisasi.------Anggota yang merasa kurang puas tersebut, dapat dimaafkan. Tetapi jika perasaan tidak puas hati tersebut disebarkan dan sempat mempengaruhi anggota lain, maka ini jelas merupakan kesalahan yang tidak dapat dimaafkan.--- Saidina Umar r.a telah melahirkan rasa ketidakpuasan hatinya terhadap *perjanjian Hudaibiah* yang telah dipersetujui oleh Nabi Muhammad s.a.w padahal Umar adalah seorang mukmin yang selalu mendapat ilham. Tetapi dalam perkara ini saidina Umar tidak dapat menyelami hikmah yang tersirat di balik perjanjian itu, sehingga Abu Bakar memberi penjelasan kepadanya bahawa Umar wajib beriltizam dan menerima dengan senang hati. Barulah setelah itu ia puas dan lenyaplah segala keraguan yang ada dalam hatinya, dan dia tidak menyebarkan rasa tidak puas hatinya di kalangan umat Islam pada waktu itu. Jika misalnya dia bertindak mempengaruhi umat Islam dan melahirkan kelompok yang mendukung sikapnya, maka tidak akan dimaafkan kesalahannya itu, kecuali dia meminta maaf dan bertaubat.

D. KESINAMBUNGAN GERAKAN BERSAMA

PENGERTIAN GERAKAN BERSAMA

Aktiviti yang;

i. Bersumber dari keputusan jamaah

ii. Lahir dari jamaah yang teratur

iii. Sesuai dengan ketentuan yang telah digariskan

iv. Berusaha mencapai Tujuan yang telah Ditentukan

v. Tidak bertentangan dengan syura

AKTIVITI GERAKAN BERSAMA

KEGIATAN INTERN
(TARBIYAH ANGGOTA)

- Bai'ah 10 Rukun
- Usrah-usrah
- Wirid harian
- Latihan-latihan
- Qiamullail

- Rihlah diniah
- Kunjungi orang sakit
- Membantu yang kesusahan
- Melaksanakan 40 kewajiban
- Melaksanakan 10 pesan keselamatan dan menjauhi 10 yang merosakkan
- Berbuka puasa bersama
- Majlis tilawah al-Quran
- Keputusan yang sepakat dan jelas dari jamaah
- Tidak bertentangan dengan hukum Islam
- Niat ikhlas

KEGIATAN EXTERN

(TARBIYAH MASYARAKAT)

Mengadakan:

- Penerbitan buku-buku
- penulisan di media massa
- risalah-risalah
- pertemuan
- kelab dan persatuan
- simposium
- kursus-kursus
- dakwah umum
- rapat umum
- pidato dan ceramah
- khutbah
- kunjungan tokoh-tokoh
- mengajar
- demontrasi
- tidak harus semua anggota, cukup seorang ,bila mampu
- sekurang-kurangnya peringkat rukhsah atau darurat
- liwajhillah semata

Dasar-Dasar Sistem dan Strategi Dakwah

USLUB

- projek penulisan
- selebaran am
- pertemuan
- demontrasi
- cara lunak
- cara tegas
- cara nasihat
- cara kekerasan
- pilih tema yang sesuai
- penyampaian dalam bahasa yang mudah
- tidak menyentuh dosa hadirin
- antara keras dan lunak
- menguasai persoalan
- menarik perhatian
- menyakinkan
- berpengaaruh
- mujadalah hasanah
- uswah hasanah

MARHALAH

- bergerak sesuai dengan kekuatan jamaah
- bergerak perlahan di waktu lemah/permulaan
- bergerak keras dikala kuat/peluang terbuka
- peringkat ta'arif mendalami kesedaran Islam dikalangan massa dan anggota
- strategi memperbanyaak anggota/pengikut/pendukung
- ahsia peringkat takwin/permulaan pembentukan jamaah
- menempuh cara-cara rahsia sesuai dengan kondisi dan situasi
- bergerak secara rahsia tidak dapat dibatasi ketentuannya

MAUDHU'

- Islam sebagai Din(cara hidup)

- Keimanan kepada Allah, Rasul dan Hari Akhirat
- Ibadah
- Komitmen dengan keseluruhan Islam
- Penekanan segi keimanan, ibadah serta sentiasa berhubung dengan Allah
- Jangan mengikuti arus politik semata atau selera semasa
- berusaha meninggkan pengaru kepada para pendengar

KHAIFIAT

- Dakwah Fardhiyah
- Penyebaran buku, risalah jamaah
- ceramah-ceramah umum
- pengajian umum
- berkomunikasi dengan ahli-ahli ibadah di masjid-masjid
- akhlak da'i yaang tinggi dan murni
- nasihat umum secara targhib dan tarhib

1. *Gerakan bersama* akan mendatangkan hasil serta dapat mencapai tujuan dan cita-citanya apabila kegiatannya bersambungan. Kesinambungan kegiatan ini merupakan faktor penting baik sebelum atau sesudah tercapainya tujuan, agar kejayaan yang diraih itu dapat dipertahankan.

2. Kegiatan yang berkesinambunganmenjadi syarat penting sebelum jamaah dapat mencapai tujuannya. Kegiatan yang terputus-putus akan menimbulkan hilangnya pengaruh gerakan. Dengan demikian kegiatan masa lalu tidak mendatangkan hal-hal yang baru, dan hanya merupakan pengulangan aktiviti lama yang sia-sia. Ibarat menggali parit yang dalam dan panjang, kemudian ditinggalkan terbengkalai begitu lama, sehingga tertimbun tanah lagi, yang kemudiannya digali lagi seperti semula. Sudah tentu penggalian tersebut hanya berupa penggulangan galian pertama yang sudah tertimbun tanah tadi. Hal ini jelas merupakan kerja yang sia-sia. Demikian juga halnya dalam aktiviti dakwah *Gerakan Bersama*, jika terputus maka matlamat dakwah cepat hilang, sehingga memerlukan usaha baru lagi untuk mengulangi matlamat dakwah pertama yang sudah hilang tersebut. Persoalan ini selaras dengan hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a berikut:

"Amalan agama yang paling disukai oleh Rasulullah s.a.w ialah amalan yang berkekalan yang dilakukan oleh yang mengamalkannya."

Kegiatan yang berkesinambungan, walaupun sedikit amat berkesan, dan sebaliknya kegiatan yang tidak berkesinambungan walaupun banyak dan besar, pengaruh dan kesannya sangat kurang, bahkan akan hilang di makan waktu.

E. PERLUNYA KEMANTAPAN ORGANISASI

1. *Gerakan bersama* yang berkesinambungan bergantung pada keutuhan dan kemantapan organisasi tanpa ada keretakan dan perpecahan. Perpecahan dalam organisasi akan membawa sikap berkelompok dan muncullah pergolakan dalaman organisasi. Ini jelas akan mengakibatkan terencatnya aktiviti *Gerakan Bersama* kerana segala aktiviti ditujukan untuk mengembalikan kestabilan organisasi. Hal ini tidak ubah sepertiusaha kontraktor yang akan membina sebuah gedung. Sebelum bangunan itu didirikan, terjadilah perselisihan dikalangan pemaju dan kontraktor, hingga terpaksa kegiatan pembinaan gedung dihentikan. Sementara tenaga dan potensinya dikerahkan ntuk menyelesaikan sengketa dalaman pembinaan.
2. *Gerakan Bersama* dapt bersambung apabila mampu mempertahankan semangat anggotanya ke tahap yang paling tinggi dan kuat. Jika mereka ditimpa perasaan futur, letih dan malas, maka prestasi *Gerakan Bersama* juga akan turut menurun bahkan merosot, kerana kekuatan *Gerakan Bersama* terletak dipundak para anggotanya, bukan pada orang lain. Oleh kerana itu dengan mengembalikan kekuatan dan semangat mereka, maka *Gerakan Bersam*a akan kembali kuat, aktif dan berpotensi.
3. Persatuan, disiplin, semangat serta ketahanan anggota merupakan faktor terpenting bagi kesinambungan *Gerakan Bersama*. Kesinambungan *Gerakan Bersama* yang efektif, walaupun sedikit tetapi cukup penting untuk meraih tujuan yang diperjuangkannya.
4. Persoalannya ialah, bagaimana cara menjaga persatuan, keutuhan organisasi, melestarikan disiplin dan semangatseta ketahanan anggota jamaah. Untuk menjayakan hal tersebut bukan suatu yang mudah kerana sumber tenaga

Gerakan Bersama adalah manusia, bukan mesin. Dan untuk melestarikan semangat dan disiplin manusia jauh lebih sukar dan lebih beratdaipada sebuah mesin yang dapat bekerja terus menerus dan teratur.

F. FAKTOR-FAKTOR TERWUJUDNYA KETAHANAN ORGANISASI

1. Walaupun tercipanya ketahanan organisasi ini suatu pekerjaan yang sukar, namun dengan pertolongan Allah segalanya akan menjadi mudah, jika kita mengetahui sesuatu yang menjadi punca bencana, seperti terjadinya dalam organisasi Ikhwan yang keutuhannya pernah goyah. Timbullah pergolakan yang menggoncangkan kepimpinannya. Akibatnya semangat sebahagian anggota-anggotanya merosot.
2. Jika kita sudah mengetahui punca tentang sumber bencana, maka kita harus selalu berwaspada dan mengambil langkah-langkah pengamanan, serta denagan cepat membanteras sumber bencana sebelum menular.

G. ANCAMAN-ANCAMAN YANG DAPAT MENGHANCURKAN ORGANISASI

Ancaman yang biasa dihadapi oleh setiap organisasi hingga menimbulkan krisis dan perpecahan organisasi serta merosotnya semangat anggota, bersumber pada ancaman luaran dan ancaman dalaman

1. **Ancaman Luaran**
   a. Dengan lahirnya Gerakan Islam Ikhwanul Muslimindan kegiatan dakwahnya di tengah-tengah masyarakat yang moralnya telah rosak, maka dengan sendirinya akan timbul perlawanan dari pihak masyarakat yang *fasiq*, terutama dari kelompok pendukung kebatilan yang hendak melestarikan sistem toghut yang mereka dukung.
   b. Perlawanan dan penentangan ini kadang-kadang melibatkan pihak-pihak berkuasa dalam pemerintahan yang pada umumnya terdiri daripada manusia-manusia yang *fasiq* juga. Dengan ini bererti bahawa gerakan dakwah Ikhwan akan berhadapan dengan penentang dan lawan yang

tidak seimbang. Oleh kerana itu penting untuk dikaji lebih mendalam serta dinilai sejauhmana daya ancamannya, disamping harus difikirkan bagaimana cara mengatasi bahaya yang mengancam atau sekurang-kurangnyaagar tidak begitu banyak merosak keutuhan organisasi.

c. Dalam mengkaji dan menyusun strategi menghindari bahaya itu harus teliti dan objektif, kerana kekeliruan dalam menentukan taktik dan strategi, baik sedikit atau banyak akan merosakkan jamaah atau organisasi. Misalnya kalau bersikap terlalu penakut akan mengakibatkan kebekuan dan sikap negatif. Akhirnya mereka menjadi tukang angguk, manusia bingung, pecinta kebendaan dan kemewahan serta takut mati syahid. Akan tetapi sebaliknya jika bersikap terlalu berani secara membabi buta akan menjerumuskan organisasi ke dalam bahaya dan melumpuhkan kegiatan.
d. Oleh kerana itu dalam menentukan khittah dan strategi bergantung pada perhitungan sejauhmana kerosakan yang ada dan sejauhmana kekuatan organisasi serta di tahap mana organisasi itu berada. Di samping itu perlu juga dibuat perkiraan antara keburukan yang akan dihadapi dengan kebaikan yang akan diperolehi. Sebab upaya menjaga diri dan mengelakkan bahaya berdasarkan pada perhitungan yang akan diambil.
e. Dalam menilai organisasi secara menyeluruh akan mengukur sejauhmana kekuatan serta kondisi sekeliling, tidak berdasarkan pada pandangan dan pendapat anggota biasa. Semua penilaian dan perhitungan harus dikembalikan kepada pucuk pimpinan dan pihak yg bertanggungjawab dalam organisasi itu sendiri, kerana pihak pimpinan akan lebih mengetahui secara terperinci dan menyeluruh kedudukan organisasi daripada anggota biasa.
f. Ketentuan penilaian dan pengukuran ini pada umumnya bersandar pada keadaan, situasi, tempat, kewibawaan pemimpin, pengalamandan pengetahuan yang dimilikinya. Dan di sana ada beberapa ketentuan dan garis panduan umumyang dapat dijadikan dasar untuk diikuti oleh seluruh pimpinan sepanjang masa dan tempat serta tingkat kepimpinan.

   Ketentuan itu diantara lain:

   I. Dasar kewaspadaan dan menjaga diri harus seimbang dengan kekuatan organisasi. Jika ketentuan organisasi tersebut masih

lemah, maka sikap berhati-hati dan menjaga diri harus diutamakan dan diberi perhatian serius, sehingga aktiviti pembinaan kekuatan berjalan dengan baik dan dapat ditingkatkan ketingkat yang sewajarnya. Jika sikap ini diabaikan, maka kedudukan organisasi akan terancam oleh bahaya-bahaya yang akan mengakibatkan terencatnya proses pembinaan kekuatan.

II. Sikap was-was diri bergantung juga pada dekat atau jauhnya organisasi itu dengan tujuannya. Ringkasnya apabila perjuangan telah mendekati tujuannya dan memerlukan keterlibatan seluruh anggota untuk tampil ke muka secara terbuka, maka tahap menjaga diri tidak diperlukan lagi. Jika organisasi tersebut masih jauh tujuannya, maka sikap menjaga diri harus diberi perhatian serius. Pengabaian terhadap masalah tersebut akan memberi kesempatan pada pihak musuh dengan secukupnya memusnahkan organisasi

III. Penilaian kekuatan organisasi dan perhitungan besar kecilnya bahaya yang menggelilingibnya, tidak dapat dibuat berdasarkan perasaan, semangat yang berkobar-kobar atau extremisme, tetapi hendaklah dinilai dengan menurut realiti dan bersifat objektif.

g. Membuat penilaian dan perhitungan yang tepat bukan masalah yang mudah. Kadang-kadang oleh kerana ghairah, emosi, terlalu berangan-angan syahid dijalan Allah, kerana tidak mahu dianggap pengecut, atau kerana terlalu takut bahaya menimpa diriatau organisasi, maka kekuatan organisasi didudukkan lebih dari sewajarnya dan terlalu memandang ringan bahaya yang ada disekitarnya. Penilaian yang tidak tepat ini akan mengakibatkan kehancuran organisasi. Selain itu sikap terlalu menjaga keselamatan diri dan tidak mengutamakan syahid dalam perjuangan akan melahirkan anggapan kecil terhadap kekuatan organisasi dan terlalu membesar-besarkan bahaya sampai orang itu jatuh ketingkat pengecut. Beberapa faktor yang dapat membantu membuat perhitungan yang benar, seperti berikut, harus mendapat perhatian sewajarnya:

I. Risiko kesalahan membuat perhitungan dan penilaian tidak dapat diperbaiki atau ditebus. Hal ini akan mengakibatkan munculnya orang-orang yanag semata-mata bermodalkan semangat yang

berkobar-kobar dengan seluruh jiwa raganya dan siap untuk syahid. Tetapi maslahnya terletak pada persoalan apa yang akan dicapai dengan pengorbanan anggota tersebut? Apakah kehilangan anggota itu lebih menguntungkan dakwah dan organisasi daripada kebendaannya?

II. Jiwa anggota bukan hak miliknya dalam erti kata yang sebenarnya. Dengan demikian tidak wajar bagi seseorang anggota melakukan tindakan sesuka hatinya tanpa dibenarkan oleh pemiliknya yang hakiki, iaitu Allah SWT. Berdasarkan hal ini, maka sikap keterlaluan dalam menitikberatkan persoalan besar kecilnya kekuatan organisasi sangat tidak berguna dan merugikan.

III. Organisasi bertanggungjawab dan berkewajipan mengendalikan perjuangan sebaik-baiknya sesuai dengan perintah hukum Islam, atau sekurang-kurangnya yang dibenarkannya.

IV. Harus selalu mendalami perjalanan dakwah pada masa permulaan Islam dan memanfaatkan pengalaman-pengalaman gerakan dakwah seperti Ikhwanul Muslimin di Mesir yang telah berkecimpung selama tiga puluh tahun. Dan pengalaman-pengalamannya itu merupakan usaha yang gigih dan telah dibayar dengan pengorbanan yang tinggi. Gerakan Islam hendaklah tidak mensia-siakan pengalaman itu, kerana seorang mukmin tidak sewajarnya jatuh ke dalam lubang dua kali.

V. Wajar difahami sedalam-dalamnya bahawa tindakaan menentang bahaya secara terbuka memerlukan kekuatan yang seimbang atau jika kurang, harus sesuai dengan kadar kekurangannya. Sebab kekuatan yang tidak seimbang, tidak mungkin mampu menentangnya secara terbuka. Seribu kafir yang lengkap senjatanya, tidak mungkin, menurut logik-dapat dihadapi oleh sepuluh orang muslim tanpa senjata. Persoalan kalah atau menang berjalan sesuai dengan Sunnatullah. Oleh kerana itu menurut Sunnatullah, baru akan menang kalau kekuatan musuh dihadapi dengan seimbang. Maka kita tidak boleh mengharap atau menunggu-nunggu sesuatu yang di luar Sunnatullah dalam usaha menghadapi musuh Islam.

h. Kekuatan iman jelas merupakan kekuatan yang sangat bernilai dan memiliki pengaruh tersendiri. Tetapi iman ini pun harus disertai pertimbangan fikiran yang sihat. Oleh kerana itu Nabi Muhammad s.a.w berhijrah dari Mekah ke Madinah dengan cara yang berliku-liku dan bersembunyi selama tiga hari di Gua. Allah berfirman:

"hai Nabi, kobarkanlah semangat para mukmin itu untuk berperang. Jika ada dua puluh orang yang sabar di antara kamu, nescaya mereka dapat mengalahkan 200 orang musuh. Dan jika ada seratus orang yang sabar di antara kamu, mereka dapat mengalahkan seribu orang dari orang-orang kafir disebabkan orang-orang kafir itu kaum yang tidak mahu mengerti."(Al-Anfal:65)

Itu jelas menunjukan bahawa kekuatan iman tetap mengambil perhatian pada kekuatan akal dan kebendaan dalam kadar dan batas-batas tertentu. Jika kekuatan iman sahaja dari beberapa orang pejuang sudah cukup mutlak untuk mengalahkan musuh yang banyak, yang ditunjang peralatan lengkap, maka sudah tentu kemenangan telah diraih oleh Rasulullah s.a.w bersama-sama umat Islam ketika di Mekah dan tidak perlu Nabi berhijrah ke Madinah.

Apabila anggota organisasi telah memahami pengertian tersebut di atas, maka anggota dapat membuat penilaian yang mendalam mengenai kekuatan organisasi dan bahaya yang mengancam di sekitarnya menurut ukuran yang sebenarnya, kerana kekeliruan dalam membuat perhitungan akan mengakibatkan malapetakadan kehancuran.

Al-Quran menjelaskan, jika terdapat dua puluh orang yang sabar dapat mengalahkan dua ratus orang kafir(Al-Anfal:65), kemudian dikurangi jumlahnya kepada seratus yang sabar mengalahkan dua ratus orang kafir(Al-anfal:66)

H. CARA-CARA MENGHINDARI ANCAMAN

Untuk menjaga diri dari ancaman yang datang dari luar berdasarkan pada kerahsiaan bergerak, pengorganisasian, kerahsiaan dalam pimpinan. Maka tiga faktor ini masing-masing mempunyai pengertian, tujuan dan cara tersendiri.

1. Kerahsiaan dalam Bergerak

Iaitu bekerja, begerak terus-menerus dengan cara diam-diam, tanpa gembar-gembur dan tidak bermaksud mempamerkannya kepada umum. Berbagai cara(uslub) dapat dilakukan misalnya melalui cara hubungan individu dengan orang-orang tertentu untuk mengembangkan dakwah, menarik anggota, memperbanyak pendukung, dengan melalui acara-acara pertemuan khusus untuk anggota, atau melalui pertemuan usrah di waktu malam melalui berbagai penulisan atau selebaran am, penyataan-penyataan , baik atas nama organisasiatau tidak. Dapat juga bergerak atas nama badan-badan tertentu. Dan melalui pengajian-pengajian di majid-masjid yang biasa diberikan oleh para ulamak. Begitu juga melalui kem-kem atau kursus-kursus yang dikelola baik oleh lembaga atau tanpa nama, dan melalui pertemuan khusus untuk kader-kader dan pendukung dakwah.

Semua jenis kegiatan tersebut kerahsiaannya antara satu dengan lainnya berbeza cara dan kadarnya. Dan ada beberapa diantaranya yang sama sekali tidak perlu dirahsiakan(dapat dilakukan secara terbuka). Hanya pucuk pimpinan yang berhak menetukan macam kegiatan yang sesuai denagn situasi tahapan jamaah, menilai serta membuat perhitungan terhadap bahaya-bahaya yang diduga akan mengancam, seperti telah dijelaskan dalam ketentuan menjaga diri secara umum.

2. **Kerahsiaan dalam Pengorganisasian**

Kerahsiaan dalam masalah ini sangat penting. Struktur pimpinan gerakan seharusnya dirahsiakan untuk umum, terutama bagi musuh-musuh dakwah. Bahkan ada beberapa jabatan atau biro dalam organisasi yang seharusnya dirahsiakan untuk anggota biasayang tidak ada kepentingannya dengan biro yang bersangkutan, sebab mungkin saja secara tidak sengaja mereka membuka masalah ini kepada musuh-musuh dakwah.

Memang kita menyedari bahawa rahsia sebahagian struktur organisasian ini kadang-kadang akan menimbulkan prasangka yang tidak sihat di sekitar perjalanan dakwah dan terhadap personaliti pimpinan yang bertanggungjawab untuk merahsiakan kepimpinan itu. Kerahsiaan ini pada umumnya ditentukan oleh faktor suasana pada masa itu.

Demikian juga jika kerahsiaan pengorganisasian ini serta tokoh-tokoh yang mengendalikan jamaah terus-menerus dirahsiakan, maka akan menimbulkan banyak tanda-tanda pada sebahagian anggota. Bahkan kemungkinan besar akan lebih banyak menimbulkan buruk sangka dari sebahagian anggota serta akan menimbulkan

pandangan yang lain pula mengakibatkan tidak objektifnya penilaian terhadap perjalanan dakwah dan Gerakan Islam Bersama. Oleh kerana itu untuk mencari titik temu dalam masalah ini perlu diberikan pengertian yang sebaik-baiknya kepada anggota, agar mereka memberikan kepercayaan penuh kepada pemimpin jamaah untuk melanjutkan kerahsiaan sebagi struktur organisasinya.

3. Kerahsiaan dalam Pimpinan

Kerahsiaan di sini maksudnya ialah merahsiakan nama-nama anggota pimpinan kepada umum, terutama saf pimpinan yang bertanggungjawab di dalam gerakan. Musuh-musuh dakwah selalu berkeinginan untuk mengetahui nama-nama para pimpinannya yang bertanggungjawab mengendalikan organisasi tersebut. Oleh kerana itu nama-nama mereka perlu dirahsiakan. Ini bukan bermakna melarang anggota untuk memperlikatkan peribadinya pada mereka yang didakwahi, bahkan ia boleh melahirkan peribadinya setelah ia puas hati dan mantap dengan sikap positif yang ditunjukkan kepadanya. Dalam kerahsiaan ini termasuk juga anggota-anggota tertentu yang merahsiakan dirinya dari anasir-anasir musuh.

Markaz gerakan Islam selalu menjadi sasaran pengintipan. Oleh keran itu kita harus berhati-hati dalam masalah ini, dan harus mencari jalan untuk memelihara semua dokumen-dokumen yang memperlihatkan nama-nama pimpinan dan strategi organisasi.

Di antara ciri-ciri kerahsiaan individu tertentu ialah dengan cara menggunakan nama samaran dalam hubungan surat-menyurat, dan dalam percakapan antara telifon, kerana pihak musuh selalu mengikuti jejak anggota-anggota Gerakan Islam. Taktik semacam ini sangat diperlukan pada waktu ketegangan dan permusuhan sedang memuncak atau jika tekanan terhadap Gerakan Islam kian meningkat.

Ketiga masalah tersebut dalam kontek kerahsiaannya, mempunyai kedudukan sama, iaitu tidak boleh dengan sengaja dikemukakan kepada umum. Tetapi bila hal-hal yang dianggap patut dirahsiakn bocor juga, dengan cacatan tidak menjelaskan kedudukan dan strukur serta operasi-operasi gerakan, maka jamaah dapat dimanfaatkan, kerana tidak memberikan gambaran jelas tentang keadaan dalaman gerakan bagi musuh-musuh dakwah. Pembocoran yang disengaja oleh anggota sendiri merupakan imformasi yang jelas dan menyakinkan bagi musuh-musuh yang menyebabkan mereka dapat menentukan saat yang tepat untuk menghancurkan jamaah.

I. ANCAMAN DALAMAN

1) Yang dimaksudkan dengan ancaman dalaman ialah, semua bentuk perpecahan, krisis dalam organisasi dan gejala-gejala yang dapat mengakibatkan kehancuranyang bersumber dari dalam jamaah itu sendiri. Ancaman dalaman ini lebih bahaya berbanding dengan ancaman luaran. Dan ancaman inilah yang menyebabkan jamaah sampai musnah, seperti bom waktu yang diletakkan di sebuah bangunan, walaupun ledakannya tidak memusnahkan seluruh bangunan, tetapi bangunan itu sendiri akan rosak dan runtuh.
2) Bahaya ini tidak akan datang secara serentak, tetapi pada umumnya secar beransur-ansur. Di tingkat awal ia nampak sebagai masalah remeh dan kecil, kemudian semakin membesar dan serius, seperti api, kecil jadi kawan besar menjadi lawan. Begitu juga keadaan jamaah , bila percikan api perpecahan itu tidak segera dipadamkan, maka lambat atau cepat ia akan menjadi perpecahan yang sangat serius yang mengancam keutuhan seluruh jamaah.
3) Masalah ini menghendaki kewaspadaan yang tinggi dan harus diambil langkah-langkah pencegahannya. Kita berkewajipan mengubati secara cepat, bila nampak adanya tanda-tanda api perpecahan walaupun pada mulanya kelihatan kecil sahaja.

J. FAKTOR-FAKTOR ANCAMAN DALAMAN

Faktor-faktor yang menyebabkan rosaknya jamaahdari dalam banyak sekali, namun yang terpenting adalah seperti berikut:

“Mungkin pada suatu saat anggota jamaah lupa terhadap peraturan organisasinya atau salah dalam memahaminya. Implikasinya akan menimbulkan beberapa masalah yang membawa jurang yang sangat berbahaya dan sekaligus merupakan bibit yang amat membahayakan perpecahan dari dalam, disedari atau tidak oleh anggota.”

Misalnya dalam masalah pandangan usul-usul anggota yang mengemukakannya dan kepatuhan pada pimpinan dalam hal-hal yang baik.

1) **Pandangan dan Usul-Usul**

a. Pandangan dan usul-usul adalah hak setiap anggoa kerana setiap anggota bebas mengemukakan pandangan dan usul-usul yang dianggap berguna. Setiap pandangan dan usul-usul ini hendaklah dikemukakan menurut salurannya. Perlu juga diperhatikan bahawa apa yang dikemukakannya itu tidak lebih dari hanya sebagai usul-usul atau pandangan sahaja, bukan merupakan suatu persoalan yang bersifat wajib. Sebab jika wajib tentu bukan usul-usul namanya. Dan pandangan yang dikemukakan oelh seseorang anggota mungkin dapat diterima dan mungkin ditolak oleh jamaah. Semuanya bergantung pada penilaian pihak yang bertanggungjawab dalam jamaah. Jika usul-usul itu diterima maka anggota tersebut mendapat pahala menganjurkan kebaikan. Sebaliknya bila ditolak ia juga mendapat pahala niat baiknya. Ia tidak bertanggungjawab terhadap penolakan usl-usul tersebut.---- Begitulah pengertian masalah pandangan dan usul-usul yang dikemukakan para anggota. Jika anggota-anggota menerima konsep tersebut, maka sikapnya adalah tepat dan akan mendapat pahala, tetapi jika menolak konsep tersebut, maka ia akan menjadi salah satu penyebab menimbulkan berbagai bencana kehancuran dan ketegangan dalam tubuh jamaah.

b. Di antara indikasi penolakan terhadap konsep dan aturan mengemukakan pandangan dan usul-usul di atas, adalah jika seorang anggota tidak mengemukakan pandangan dan usul-usulnya melalui salurannya yang rasmi dalam organisasi, tetapi sebaliknya ia membicarakannya di berbagai tempat di mana anggota-anggota gerakan berkumpul. Bahkan kadang-kadang ia mengemukakan dalam bentuk kecaman yang menusuk jamaah, atau melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap kelemahan pimpinan secar pukul rata. Ucapan dan tindak-tanduknya kadang-kadang menimbulkan sikap berkelompok dalam satu jamaah, ada yang pro dan ada yang kontra. Maka timbullah pertarungan sengit di antara kelompok-kelompok tersebut. Dan kadang-kadang perselisihan pendapat tersebut semakin tegang yang mengakibatkan permusuhan. Ini menjadikan para anggota sibuk sendiri dalam perkara-perkara yang sifatnya sampingan, saling mencaci, saling mengumpat dan saling menuduh, sehingga segala keberkatan amal menjadi

musnah; hati-hati menjadi keras, cita-cita menjadi rosak dan penyakit perpecahan semakin merosak ke tubuh jamaah.

c. Bila anggota mengemukakan pandangannyamenurut saluran organisasi, tetapi ia melupakan bahawa pandangan-pandangannya itu sebenarnya hanyalah merupakan saranan atau usul-usul saja, dan bukan merupakan nas Syar'i yang tidak boleh diperdebatkan, maka kedudukannya sama dengan pandangan yang tidak melalui saluran organisasi. Jika saranan itu ditentang oleh saranan anggota lain maka itu suatu hal yang wajar di dalam suatu jamaah.

d. Jika pandangan itu memang baik dan berguna tetapi dapat diterima disebabkan oleh beberapa faktor yang menghalangnya ; seperti daya dan kemampuan yang masih terbatas untuk melaksanakan pandangannya, atau kerana jamaah sedang memfokuskan perhatiannya kepada masalah-masalah lain yang lebih penting, atau jika saranan itu dilaksanakan justeru akan merugikan jamaah dari sisi lain, saranan ini pun tidak dapat dipaksa. Demikian seterusnya apabila anggota tidak berpegang teguh pada konsep yang betul, maka ia akan terperosok kedalam perangkap bahaya yang mengakibatkan timbulnya berbagai malapetaka dan dosa, dan menjadikan dirinya sebagai hamba syaitan.

2) Kepatuhan pada Pimpinan dalam Hal yang Baik

a. Konsep kepatuhan ini sama dengan apa yang telah diterangkan tentang k0onsep 'pandangan' dan 'usul-usul' yang jelas terbatas dan mudah. Anggota harus patuh dan taat pada pimpinan yang bertanggungjwab dalam masalah-masalah yang tidak mengandung maksiat kepada Allah. Kemaksiatan disini adalah kemaksiatan yang berdasarkan nas yang pasti menurut hukum Islam. Di dalam pengertian taat di sini, termasuk taat kepada pimpinan dalam masalah-masalah yang mubah atau yang berdasarkan ijtihad. Ketaatan ini pada hakikatnya dalam rangka ketaatan kepadaa Allah dan mencari redha-Nya. Kadang-kadang sebahagian anggota telah melupakan konsep ketaatan yang sebenarnya, sehingga mereka menentang sebahagian keputusan pimpinan berdasarkan ijtihad. Penentangn itu kadang-kadang dilahirkan secara terbuka dengan penuh emosi dan kemarahan, di samping mereka mempengaruhi anggota-anggota lainnya. Dan kegiatan mereka menimbulkan

kelompok-kelompok dalam satu jamaah yang mengakibatkan timbulnya perpecahan.

b. Untuk menyelesaikan dan mengubati penyakit ini, setiap anggota harus memahami sepenuhnya tentang tuntutan, kewajiban selaku anggota jamaah. Yang dituntut bagi seorang anggota adalah melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan sebaik-baiknya dan secepat mungkin, serta berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mempertahankan keutuhan jamaahnya agar selalu dalam keadaan teguh dan padu. Di samping itu seorang anggota harus berusaha menghindari sumber perpecahan, persengketaan dan perselisihan, serta krisis dalam jamaah. Jika dikalangan anggota terdapat orang yang patut dinasihati dan diingatkan, maka bagi anggota lainnya harus mengingatkan mereka dengan saluran yang sesuai dengan aturan jamaahnya. Dan hendaknya setiap anggota berhati-hati agar tidak melanggar batas-batas konsep taat yang baik ini. Jika konsep taat ini dinodai oleh anggota, maka sesungguhnya ia telah terperangkap dalam tipu daya syaitan.

c. Jika jamaah Ikhwanul Muslimin bersatu padu laksana batu-bata yang tersusun rapi, maka syaitan-syaitan akn berduka cita. Oleh kerana itu setiap tindakan yang memecah belah persatuan jamaah akan diberikan gambaran yang baik kepada anggota. Kadang-kadang akibat keghairahan berdakwah telah mendorong beberapa anggota untuk menentang pandangan jamaah atau tidak komitmen dengan keputusan jamaah, atau mendorong kegiatan untuk melemahkan keutuhan jamaah. Oleh kerana itu kegiatan anggota tersebut dianggap sebagai anasir yang menghancurkan bukan anasir yang membangun.

d. Sumber ancaman dalaman yang paling penting antra lain adanya beberapa anasir yang menyusup di dalam tubuh organisasi dengan mempengaruhi anggota yang lemah untuk menghancurkan keutuhan organisasi.------ Penyusupan tersebut bertujuan melalaikan anggota dan menghabiskan waktu untuk menghadapinya, yang tidak bermanfaat untuk dakwah. Kecaman juga sering dilemparkan terhadap kader-kader dakwah yang mati-matian melaksanakan tugas-tugas yang dibebankan kepadanya. Kadang-kdang golongan yang terpengaruh oleh anasir-anasir ini telah terpujuk oleh syaitan dengan menganggap tindakannya itu semata-mata untuk kepentingan dan

kebaikan dakwah. Jika bisikan syitan tersebut benar-benar menguasai hati mereka, akan mendorong mereka untuk melakukan tindakan-tindakn yang menimbulkan perpecahan. Mereka akan mencuba mempengaruhi anggota agar memihak kepdanya, dengan menggunakan apa cara sekalipun, dan memanfaatkan segala macam kesempatan bahkan mereka akan menggunakan cara-cara dusta dan tuduhan-tuduhan liar terhadap jamaah dan membesar-besarkan kesalahan kecil serta menganggap remeh segala jasa dan usaha yang telah disumbangkan orang lain.

Keadaan ini telah memaksa pihak pimpinan jamaah mengerahkan segenap tenaga untuk memadamkan fitnah dan mematahkan segala tipu daya muslihat anasir-anasir perosak yang sedikit sebanyak telah berhasil mencapi tujuannya, kerana mungkin sebahagian ada yang terpengaruh dengan ucapan-ucapannya.

K. PEMBEBASAN DARI ANASIR-ANASIR PEROSAK JAMAAH

Untuk membebaskan jamaah dari unsur-unsur perosak yang dapat memecah belahkan jamaah terletak pada dua ketentuan utama yang harus selalu diingati dan diketahui oleh anggota jamaah.

Ketentuan Pertama

Setiap perkataan yng diucapkan dan tindakan yang dilakukan oleh anggota yang bertentangan dengan prinsip-prinsip jamaah dan menyalahi konsep-konsep dakwah Islamiyah serta bertentangan dengan konstitusi organisasi, dianggap salah dan anggota yang bersangkutan harus bertanggungjawab.

Ketentuan Kedua

Kedudkn seseorang menurut penilaian jamaah berdasarkan pada tingkat kemampuan pemahamannya. Ini dapat dilihat dari tutur katanya serta tindakannya, apakah ia bertetapan dengan prinsip jamaah, sesuai dengan konsep dakwah dan konstitusi organisasi, atau sejauh mana ia telah menyimpang dari dasar-dasar tersebut.

Berdasarkan dua ketentuan di atas, seseorang anggota akan dapat membuat ukuran yang membezakan antara perkataan dan ucapan yang sesuai dengan hukum Islam atau yang bertentangan dengannya. Dapat juga dikenali secara pasti tentang keperibadiaan anggota yang benar-benar jujur, ikhlas, tegas, teguh pendirian dari peribadi yang hanya mengamat-amati kegiatan anggota dan kedudukan organissi serta anggota yang menimbulkan masalah.

Oleh kerana itu jika seorang mendengar suatu ucapan yang membayangkan suatu ucapan yang membayangkan keraguan terhadap jamaah atau kurang kenyakinan kepada orang-orang yang bertanggungjawab dalam jamaah atau nampak bibit-bibit perpecahan untuk menghancurkan jamaah atau menyebarkan unsur berkolompok dalam anggota, maka hendaklah anggota jemaah menyedari bahawa ucapan dan tindakan anggota tersebut adalah salah dan batil. Anggota tersebut merupakan anasir perosak dan kita harus berwaspada terhadapnya.

Islam mengkehendaki persatuan, memusuhi perpecahan dan bersungguh-sunggguh melestarikan keutuhan jamaah agar senantiasa teguh. Kerana itu Islam mengambil tindakan bunuh terhadap mereka yang melakukan penghancuran jamaah. Ini jelas menunjukkan betapa besarnya kesalahan yang dilakukan oleh anasir-anasir perosak jamaah tadi. Rasulullah s.a.w bersabda:

" Barangsiapa yang melakukan tindakan memecah belah persatuan umat, sdangkan umat bersatu teguh, maka buuhlah ia dengan pedang walaupun siapa orangnya."

Berdasarkan hadis tersebut, maka siapa saja memecahbelahkan persatuan umat, mengoyak kesatuan jamaah dan mencetuskan pertentangan dan krisis dalam kepimpinan organisasi, maka kegiatan tersebut dianggap kriminal yang amat besar dosanya. Mengapa tindakan merosak jamaah keutuhan jamaah tersebut dianggap suatu perbuatan dosa yang sangat besar? Kerana usaha-usaha untuk menghimpun dan menyusun tenaga-tenaga muslim yang baik, terutama pada masa sekarang ini memerlukan pengorbanan tenaga dan usaha yang amat besar, tidak semudah mengumpulkan batu-bata, tetapi ia merupakan satu tugas yang sukar yang tidak mungkin dapat dilaksanakan kecuali dengan kerja keras dan taufiq dari Allah SWT.

Oleh kerana itu barangsiapa yang melakukan tindakan memecahbelahkan kesatuan dan menghancurkan jamaah, sebenarnya ia telah menghancurkan keberadaan bangunan yang dicintai Allah. Dan faktor yang semakin menambah kekejian unsur perosak ini ialah, kerana meruntuhkan itu lebih mudah daripada membangun.

Kehnuran jamaah kadang-kadang disebabkan tersiarnya kata-kata jahat dan beracun. Oleh kerana itu Rasulullah s.a.w selalu mengingatkan tentang bencana caci maki. Dalam sebuah hadis Rasulullah bersabda:

"Seorang laki-laki yang mengucapakn kalimah yang dimurkai dn menyinggung hati orang lain, ia akan dilemparkan ke dalam neraka jahanam selama 40 tahun"

Tentunya ucapan yang dimksud oleh hadis tersebut adalah yang berupa hasutan, kecaman, dan tuduhan yang tidak punya dasar, yang dilemparkan dikalangan anggota.

Ada juga dikalangan anggota yang mengeluarkan kata-kata yang membawa perpecahan sedangkan dia tidak bermaksud demikian atau memang memaksudkannya. Untuk itu maka harus difahami ucapan sebenarnya, adakah ia bertentangan dengan peraturan dan dasar dakwah. Jika bertentanganmaka wajib ditarik kembali ucapannya itu dengan sesegera mungkin. Jika peringatan untuk menarik kembali ucapannay itu dia terima, maka hilanglah segala sumber perpecahan dan lenyaplah segala kekeruhan yang sama sekali tidak diingini.

Sebaliknya jika ia berkeras dengan sikapnya dan terus mempertahankan kbatilannya, maka menjadi kewajiban bagi anggota yang lain untuk mengambil sikap yang tegas terhadapnya dan memutuskan bahawa tindakannya itu salah dan ia harus diperlakukan sebagai unsur perosak jamaah yang harus dijauhi dan semua anggota hrus diperingatkan agar menyampaikan kepada pengurus organisasi, agar diambil tindakan sesuai dengan kesalahannya. Perlu diketahui bahawa menjaga keutuhan jemaah merupakan amanah bagi setiap anggota dan tidak dpat diabaikn sama sekali.

Termasuk dalam ciri pengabaian amanah ialah merestui pandangan perosak dan pemecahbelah jamaah serta bersikap bertolak ansur terhadap mereka. Ini akn menyebabkan mereka terus menerus dalam perbuatan yang salah. Tindakan sementara pengurus organisasi yang tidak mengambil sikap tegas terhadap perbuatan perosak, dapat dianggap sebagai bersekongkol denagn kesalahan dan kemaksiatan mereka.

L. KEBOSANAN DAN KEMALASAN DA'I

Perasaan bosan,malas dan lesu merupakan sebahagian bahaya dalaman yang mengancam sebuah organisasi. Keadaan seperti itu kadang-kadang terjadi pula di kalangan anggota Ikhwan yang bersumber dari berbagai sebab, yang diantara lain

kerana lemah semangat atau tekanan jiwa akibat banyaknya kerosakan dan kemaksiatan yang ada disekitarnya. Dan mungkin juga kerana mereka sudak melupakan akhirat dan tidak ingat mati, atau kerana futur. Yang sebenarnya ialah, mereka umumnya merasa bodoh terhadap segala kegiatan jamaah kerana menurut anggapannya semua kegiatan itu tidak mungkin dapat menghasilkan kemenangan(kekuasaan pemerintah) dan sebagainya. Untuk penyakit seperti ini, mengubatinya seperti berikut akan dapat menyembuhkan anggota yang dihinggapi penyakit futur, lemah emangat, malas, lesu dan bosan.

a. Menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah dengan disertai perasaan tunduk dan sujud, serta menghidupkan hatinya denagan keimananseraya memohon kepada Allah agar ditetapkan dalam perjuangan dakwah. Dan ini hendaklah diulang malam dan siang
b. Biasakan diri dengan mengingati mati dan memikirkan tentang mati. Selalu bersyukur kepada Allah kerana ditakdirkan menjadi kader Ikhwan, sebab dalam jamaah Ikhwan bererti mengikuti Rasulullah s.a.w dalam dakwahnya dan menggalakkan dirinya untuk mendapatkan keridhaan Allah SWT. Allah berfirman:

"katakanlah! Inilah jalan(agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujjah yang nyata, Maha Suci Allah, dan aku tidak termasuk orang-orang musyrik."(Yusuf:108)

c. Kebosanan, kemalasan,kelesuan dan futur kadangkala bersumber dari godaan syaitan yang meracuni hati anggota. Dan syaitan itu seperti pencuri yang disekitar hati orang mukmin yang berdakwah dijalan Allah. Syaitan mencuri keimanan mereka dan meracuninya agar berhenti berdakwah. Hati yang kosong dari iman yang sebenarnya menjadikan pemiliknya tidak mahu bergerak dan berjuang untuk Islam. Dan itu bererti syaitan telah mencapai maksudnya dan tidak perlu lagi mengambil perhatian dan mengekorinya.

d. Syaitan mempunyai berbagai cara penipuan yang kalau ingintahu secara detail memerlukan huraian panjang. Bagi anggota cukup menyedari akan bahaya syaitan terhadap orang-orang yang beriman seperti yang telah digambarkan oleh Allah kepada kita agar kita memohon perlindungan-Nya dari bencana dan godaan syaitan serta tipu dayanya yang terkutuk. Oleh kerana itu bagi setiap

anggota berkewajipan untuk tidak menjadikan syaitan-syitan sebagai sekutu denagn bergandingan tangan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang bertentangan denagan dakwah dan menimbulkan kekecohan dalam organisasi.

e. Jike seorang anggota merasakan dalam dirinya perasaan lesu atau lemah semangat untuk terus bergerak, maka hendaklah ia menyedari bahawa keadaan seperti itu merupakan hasutan syaitan yang mengganggunya dari bergerak aktif. Dan syaitan itu amat membenci orang-orang yang bergerak aktif dan selalu encuba untuk melengahkan anggota gerakan dari perjuangan walaupun sedetik.

f. Apabila seseorang anggotanya dihinggapi penyakit bosan dan futur, maka peliharalah lidahnya dan perbanyakkan zikir, kerana syaitan kdang-kadang mendorongnya untuk membicarakan hal-hal yang batil, kemudian mendorongnya untuk berbicara tentang tindakan jamaah yang tidak baik, dasar dan strateginya yang tidak tepat dan sebagainya yang mengakibatkan dia terjerumus dalam jurang dosa. Jika sifat demikian dilakukan terus, maka hatinya akan semakin keras dan bertambah sukar untuk diubati.

g. Jika seseorang anggota merasakan suatu kebosanan dan kelemahan dalam bergerak, maka segerlah ia melakukan amlan-amalan taqwa bagi dirinya;seperti menghafal ayat-ayat al-Quran, melakukan solat sunat beberapa rakaat secara bersendirian di rumah, atau bersedekah kepada fakir miskin, bergaul dan berbicara dengan orang-orang yang soleh atau berkunjung pada orang-orang yang teguh pendiriannya, komitmen dan aktif. Ini akan mempengaruhi terhadap jiwa anggota tersebut, kerana bergaul dengan orang-orang yang soleh, mengunjungi anggota yang komited, akan menjadi aktif kembali danmerasa ringan terhadap semua beban yang dipikulnya.

Tulisan di atas adalah sebahagian masalah yang ada di sekitar *Gerakan Bersama*. Dan ini merupakan sebahagian cara-cara mengatasi berbagai masalah *Gerakan Bersama*, seperti telah dinyatakan dalam awal tulisan ini. Kita hanya bertujuan untuk memperbaiki dan berusaha memecahkan segala macam masalah yang timbul di kalangan sebahagian anggota Ikhwan yang memang sebahagian telah berlaku. Kepada Allah kita selalu bermohon pada taufiq-Nya,meredhai, mangasihi dan memantapkan kita dalam perjuangan dakwah secara berjemaah dengan menggunakan konsep-konsep *Gerakan Bersama*.Allahu Akbar#